



Dasar Hak Asasi Manusia

Pematuhan kepada hak asasi manusia sangat penting bagi Bunge, yang dipacu oleh keyakinan bahawa kita memberikan impak positif terhadap kehidupan, mata pencarian dan hak individu serta komuniti yang terlibat dengan operasi kita. Kita akan melayani semua orang secara bermaruah dan penuh hormat di Bunge dan seluruh rantai bekalan. Kita menyokong pertumbuhan sistem makanan yang lebih lestari, termasuk melalui penggalakan pertanian secara lestari, penggunaan air secara berhemah, dan pengurangan ketakjaminan makanan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Kita komited untuk mengekalkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat untuk semua pekerja dan kontraktor kita, dan berusaha untuk mengenal pasti semua kes pencabulan hak asasi manusia termasuk kes yang berlaku dalam rantai nilai kita.

Komitmen kita untuk bertindak secara selamat, beretika dan lestari termaktub dalam [Nilai-nilai Teras](#) dan [Kod Kelakuan](#). Meskipun kita sedia maklum bahawa operasi kita mungkin terkait dengan impak hak asasi manusia yang negatif, kita berusaha untuk mengenal pasti, mencegah dan mengurangkan impak buruknya melalui prinsip dan tindakan yang digariskan di bawah. Kita juga maklum bahawa tanggungjawab utama untuk mencegah impak hak asasi manusia yang negatif dipikul oleh kerajaan, namun sebagai syarikat global, kita mematuhi hak asasi manusia selaras dengan Prinsip Panduan PBB berhubung Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, Garis Panduan Perusahaan Multinasional Pertubuhan Kerjasama & Pembangunan Ekonomi (OECD), Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa, dan Pengisytiharan berhubung Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Jawatankuasa Kelestarian dan Tanggungjawab Korporat Bunge yang diterajui Lembaga Pengarah menyediakan kawal selia dan input bagi pengurusan tadbir urus syarikat, dasar dan strategi serta program yang berkaitan dengan Hak Asasi Manusia. Pelaksanaan Dasar ini diketuai oleh Pengarah Hak Asasi Manusia Global.

Dasar ini dikenakan terhadap semua pekerja, pegawai, pengarah dan kontraktor syarikat. Kita juga menghendaki pembekal dan rakan kongsi perniagaan kita mematuhi prinsip yang termaktub dalam Dasar ini.

Prinsip Kita

Kita memegang kepada prinsip teras yang tertentu:

- Kita tidak bertolak ansur dengan pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan oleh pekerja, pembekal atau pihak ketiga yang bertindak bagi pihak kita.



- Kita melarang sebarang bentuk buruh paksa atau wajib, termasuk buruh kontrak, buruh terikat dan buruh kanak-kanak.
- Kita komited menyediakan persekitaran kerja yang bebas daripada diskriminasi, gangguan dan tindakan balas, dan menyokong tenaga kerja yang pelbagai dan inklusif.
- Kita menghormati kebebasan bersuara dan hak pekerja dan kontraktor untuk berpersatuan, termasuk hak mereka untuk menubuhkan dan menyertai organisasi pilihan mereka sendiri bagi membuat rundingan secara kolektif tanpa memerlukan kebenaran syarikat terlebih dahulu atau campur tangan syarikat secara tidak munasabah.
- Kita menghormati hak, budaya dan tradisi semua pihak berkepentingan di lokasi syarikat beroperasi, termasuk penduduk asal dan peribumi yang mendiami kawasan khusus, dan kepentingan mereka pada tanah, air dan alam sekitar.
- Kita tidak bertolak ansur kepada ugutan, intimidasi atau serangan terhadap pejuang hak asasi manusia, dan sedia maklum bahawa kumpulan tertentu, termasuk wanita dan kanak-kanak, mungkin lebih rentan kepada impak hak asasi manusia yang negatif di lokasi kita beroperasi.
- Kita berusaha sedaya upaya untuk membina hubungan yang erat, produktif dan muafakat dengan warga kerja kita.
- Kita komited untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerja, kontraktor dan pembekal.

Tindakan Kita

Untuk melaksanakan prinsip dan komitmen ini, kita akan:

- Membangunkan dan melaksanakan dasar sokongan, tatacara, latihan dan struktur pelaporan dalaman untuk menerapkan Dasar ini di seluruh syarikat dan terhadap semua individu serta entiti yang tertakluk pada Dasar ini.
- Menjalankan operasi dengan standard etika dan integriti yang tertinggi sejajar dengan [Kod Kelakuan](#).
- Ambil langkah untuk menghormati penggunaan tanah yang sesuai, pekebun kecil dan masyarakat orang asli, dan biodiversiti, selaras dengan yang digariskan dalam [Dasar Kelestarian](#) kami.



- Menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua kakitangan dan kontraktor, seperti yang termaktub dalam [Dasar Keselamatan dan Kesihatan Global](#).
- Mengguna pakai dasar dan amalan untuk melindungi privasi maklumat peribadi pekerja, kontraktor serta pihak ketiga apabila kita mengumpulkan dan memproses maklumat tersebut dalam urusan pengendalian perniagaan kita.
- Menerapkan inisiatif membina komuniti dan memberikan kesedaran, selain program latihan dan pembangunan, yang menyokong misi syarikat untuk menyediakan tempat kerja yang pelbagai dan inklusif.
- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan buruh yang berkaitan, menjalankan operasi dengan mematuhi Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa dan Pengisytiharan berhubung Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja ILO, dan mewajibkan pembekal serta kontraktor kita untuk turut berbuat demikian.
- Menjalankan usaha wajar terhadap operasi yang berkaitan, pembekal dan kontraktor, dan mewajibkan pelaporan, pensijilan dan/atau latihan secara berkala, sebagaimana yang wajar, sejajar dengan Dasar ini.
- Tidak menggunakan sebarang bentuk buruh paksa, termasuk buruh kontrak dan buruh terikat.
- Hanya mengambil pekerja yang memenuhi syarat had umur minimum setempat dan mematuhi standard ILO berhubung buruh kanak-kanak.
- Memberikan perhatian kepada impak alam sekitar dan cuaca, sepertimana yang dinyatakan dalam [Dasar Tanggungjawab Alam Sekitar](#).
- Berinteraksi secara bersungguh-sungguh dengan komuniti setempat dan pihak berkepentingan lain yang terkesan dengan operasi kita untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan telus yang dibina berteraskan rasa saling hormat dan kepercayaan.
- Melaksanakan [mekanisme timbang cara](#) bagi mengendalikan isu tentang operasi atau pembekal, yang boleh digunakan oleh mana-mana pekerja, pembekal atau pihak berkepentingan untuk mengajukan kebimbangan.
- Mengambil tindakan apabila kita mengenal pasti pelanggaran Dasar ini oleh pekerja atau pihak ketiga yang bertindak bagi pihak kita, termasuk memberikan kerjasama dalam proses pemulihan jika perlu.



- Menyampaikan Dasar ini kepada pekerja, kontraktor dan pembekal, dan membolehkan orang ramai untuk mengaksesnya.
- Melaporkan prestasi pematuhan kepada objektif dan sasaran hak asasi manusia, termasuk pada halaman [Akauntabiliti](#).